



## **Model Takaful Berasaskan Filantropi di Malaysia: Isu, Cabaran dan Keperluan**

**Kewangan  
Sosial**

### ***Philanthropy-Based Takaful Model in Malaysia: Issues, Challenges and Needs***

**104**

**KHAIRUL ANUAR AHMAD**  
(Corresponding Author)

**FAKHRI SUNGIT**

**MOHD ISA MOHD DENI**

Jabatan Syariah

Fakulti Syariah dan Undang-undang  
Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor  
khairulanuar@kuis.edu.my

fakhri@kuis.edu.my, mohdisa@kuis.edu.my

**NOOR AIMI MOHD PUAD**

Perakaunan dan Kewangan

Fakulti Pengurusan dan Muamalat

Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor  
nooraimi@kuis.edu.my

**MARHANUM CHE MOHD SALLEH**

Kulliyah Ekonomi dan Sains Pengurusan  
Universiti Islam Antarabangsa Malaysia  
marhanum@iium.edu.my

**MOHD HAFIZAL ELIAS**

Pengarah dan Ketua Syariah

FWD Takaful Berhad

HafizalElias@fwd.com

**ANIS NADHIRAH NOR MUKSHAR**

Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor  
nisnadh98@gmail.com

Submitted: 01 March 2023

Revised: 04 April 2023

Accepted: 29 April 2023

E-Published: 30 April 2023





## ABSTRAK

Filantropi merupakan amalan kebaikan yang dilakukan oleh seseorang berdasarkan rasa cinta dan sayang kepada orang lain yang membawa kepada kesediaan dan kesanggupannya untuk membantu dengan cara memberi sumbangan dalam pelbagai bentuk tanpa balasan. Konsep filantropi ini telahpun diamalkan dalam Islam iaitu melalui zakat, sedekah, infak, wakaf dan sebagainya. Dalam konteks industri takaful, walaupun terdapat tulisan dan kajian berkaitan model-model takaful mikro yang cuba mengintegrasikan zakat, wakaf, mushārahah dan sebagainya, namun ianya sekadar cadangan konseptual sahaja. Oleh yang demikian, artikel ini cuba untuk mengkaji keperluan kepada mewujudkan model takaful berasaskan filantropi yang lebih praktikal di samping tidak mengetepikan isu dan cabaran yang wujud. Untuk tujuan itu, artikel ini menggunakan metode kualitatif dengan pengumpulan data melalui temu bual separa struktur terhadap 16 informan B40 dan pengendali takaful. Data temu bual yang telah ditranskripsi kemudiannya dianalisis menggunakan perisian Atlas.ti versi 22 berpandukan dua objektif kajian bagi mengenal pasti tema-tema temu bual yang mewakili isu-isu dan cabaran-cabaran dalam penawaran model takaful berasaskan filantropi. Hasil analisis mendapati isu-isu utama yang dihadapi oleh golongan B40 ialah kewangan, operasi, produk, kemudahan dan pengetahuan. Manakala isu-isu yang timbul di pihak pengendali takaful pula ialah syariah, operasi, undang-undang dan kos. Walaupun wujud isu dan cabaran, model takaful berasaskan filantropi ini diperlukan oleh golongan B40 dan pengendali takaful berdasarkan kepada beberapa kepentingan antaranya menyediakan perlindungan manfaat takaful mikro yang sistematik dan efisien, sebagai medium kepada masyarakat untuk membudayakan amalan derma dan alternatif kepada program kerajaan.

**Kata Kunci:** Filantropi, Model Takaful, B40, Perlindungan Kesihatan, Kewangan Sosial

## ABSTRACT

Philanthropy is a practice of kindness by a person which is built on a sense of love and affection for others that leads to his readiness and willingness to help through donating in various forms without consideration. The concept of philanthropy has already been practiced in Islam by way of zakat, charity, endowment, waqf and so on. In the context of takaful industry, although there are writings and studies related to micro takaful models that try to integrate zakat, waqf, mushārahah and so on, they are just conceptual proposals. As such, this article attempts to examine the need to create a more practical philanthropy-based takaful model while not ignoring the issues and challenges that exist. For that purpose, this article uses a qualitative method with data collection through semi-structured interviews on 16 B40 informants and takaful operators. The transcribed interview data was then analyzed using Atlas.ti software version 22 based on two research objectives in order to identify interview themes that represent issues and challenges in offering a philanthropy-based takaful model. The results of the analysis found that the main issues faced by the B40 group are finance, operations, products, facilities, and knowledge. While the issues that arise on the part of takaful operators are syariah, operation, law, and cost. Despite the existence of issues and challenges, this philanthropy-based takaful model is needed by the B40 group and takaful operators based on some significance including providing systematic and efficient protection



of micro takaful benefits, as a medium for the community to cultivate the practice of donation and as an alternative to government programs.

**Keywords:** Philanthropy, Takaful Model, B40, Health Protection, Social Finance

## PENGENALAN

Filantropi adalah merupakan satu bentuk amalan kebaikan dalam kehidupan. Malah, setiap agama juga amat menggalakkan nilai-nilai murni dalam melaksanakan aktiviti kedermawanan. Pada asasnya, filantropi dapat dikaitkan dengan konsep kebaikan, belas kasihan, pemurah, kasih sayang dan lain-lain konsep yang seumpamanya. Dalam menjalani kehidupan di dunia ini, manusia tidak akan terpisah dengan sebarang ujian, halangan dan rintangan. Sebagai khalifah di muka bumi, manusia telah diamanahkan untuk mengurus dunia ke arah yang lebih baik. Di sinilah konsep *ukhuwwah* (persaudaraan) dan *ta'āwun* (bantu-membantu) diperlukan dan diamalkan bagi menggalakkan keadilan dan kebaikan kepada sesama manusia. Aktiviti kedermawanan ini boleh membawa banyak manfaat dalam mendapatkan kehidupan yang lebih baik kepada masyarakat khususnya.

Kini, perkembangan dalam institusi kewangan Islam sudah mula dilihat tidak lagi tertumpu kepada keuntungan individu dan sesebuah organisasi korporat semata-mata malah lebih ke arah usaha dalam memberi manfaat sepenuhnya kepada ummah. Perkara ini dilihat tidak terkecuali dalam industri takaful yang merupakan alternatif kepada insuran konvensional dalam pengendalian dan pengurusan risiko secara Islamik. Pelbagai cadangan telah dikemukakan dalam mengintegrasikan ciri filantropi seperti wakaf, zakat dan sedekah terhadap produk takaful yang ditawarkan. Namun, penggunaan model takaful berdasarkan akad hibrid yang berasaskan filantropi seperti wakaf dan zakat dilihat masih terdedah kepada beberapa isu seperti isu syariah, operasi dan perundangan (Nik Abdul Rahim et al., 2019). Oleh itu, artikel ini akan membincangkan berkenaan keperluan kepada satu model takaful berasaskan filantropi dari perspektif golongan B40 dan pengendali takaful di Malaysia serta mengenal pasti isu dan cabaran yang timbul dari pelaksanaannya.

## SOROTAN LITERATUR

Berdasarkan tajuk penulisan ini, beberapa istilah penting perlu ditelusuri berdasarkan sorotan literatur terutamanya konsep takaful dan filantropi serta frasa model takaful filantropi.

### Konsep Takaful

Takaful merupakan istilah Arab iaitu *kafala* yang bermaksud saling menjamin, menjaga atau memelihara. Menurut Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013, takaful ditakrifkan sebagai satu skim yang berasaskan persaudaraan, perpaduan dan bantuan bersama yang dibawahnya peserta takaful bersetuju untuk menyumbang kepada suatu kumpulan yang sama yang menyediakan manfaat kewangan kepada



peserta takaful atau kepada benefisiarinya ketika berlakunya sesuatu kejadian yang telah dipersetujui terdahulu (Islamic Financial Services Act, 2013). Takaful juga bermaksud permuafakatan antara dua pihak atau lebih yang bersetuju untuk saling menjamin antara satu sama lain jika berlaku sebarang kerugian atau kerosakan yang disebabkan bencana atau musibah (Ahmad Mazlan et al., 2012). Secara mudahnya, takaful merupakan persetujuan oleh sekumpulan individu untuk menjamin antara satu sama lain sekiranya berlaku sebarang kerugian atau risiko yang menimpa salah seorang daripada mereka.

Menurut Engku Rabiah Adawiah & Odierno (2008), sistem takaful adalah berteraskan konsep kerjasama, tanggungjawab, jaminan, perlindungan dan saling membantu di kalangan pesertanya. Ia bertujuan mengalakkan sifat tolong-menolong dan perpaduan di kalangan para peserta selari dengan konsep *ta'awun* (saling membantu). Oleh itu, kesepakatan yang dibuat adalah untuk berkongsi kerugian atau risiko yang telah ditentukan dan dibayar dengan menggunakan dana takaful yang ditubuhkan.

Dalam erti kata lain juga, konsep takaful merupakan sumbangan kewangan yang dikongsi bersama bagi membantu mereka yang ditimpa musibah. Asas falsafah ini adalah berpandukan kepada firman Allah di dalam Al-Quran yang bermaksud:

*Bekerjasamalah kamu pada perkara-perkara kebaikan dan takwa dan jangan bekerjasama dalam perkara-perkara dosa dan yang boleh menimbulkan permusuhan.*

(Al-Mā'idah, 5: 2)

### **Konsep Filantropi**

Perkataan filantropi (*philanthropy*) adalah berasal daripada perkataan Greek philos yang bermaksud cinta atau rasa sayang dan anthropos yang bermakna manusia atau orang. Pengertian filantropi dalam Bahasa Inggeris dinyatakan sebagai "*Love for mankind, usually as shown by money given to, or work done for, other people*" yang membawa maksud berkasih sayang terhadap manusia, yang kebiasanya ditunjukkan melalui wang ringgit yang diberi atau kerja yang dilakukan untuk orang lain (Oehri et al., 2014).

Menurut Payton & Moody (2008), filantropi meliputi aspek-aspek pemberian sukarela (*voluntary giving*) perkhidmatan sukarela (*voluntary service*) dan organisasi sukarela (*voluntary organization*) serta merumuskan filantropi ini adalah sebagai suatu perkhidmatan, kerja sukarela untuk kebaikan orang ramai.

Pada asasnya, filantropi boleh ditakrifkan sebagai "kasih sayang terhadap sesama insan" (Norajila et al., 2014). Dorongan daripada kasih sayang ini telah membenarkan seseorang untuk memberi bantuan dan pertolongan sama ada dalam bentuk material atau sebaliknya kepada mereka yang memerlukan bagi tujuan kebaikan atau faedah sesama insan tanpa mengharapkan sebarang ganjaran dan balasan.



Berdasarkan definisi yang dikemukakan, dapat disimpulkan bahawa filantropi adalah melibatkan dua aspek iaitu merujuk kepada aspek kemanusiaan dan juga aspek material. Melalui kasih sayang dan rahmat sesama manusia ini telah mendorong seseorang mengorbankan hartanya dan apa-apa sahaja bentuk bantuan material bagi disalurkan kepada mereka yang dalam kesusahan. Filantropi dalam Islam boleh dibahagikan kepada dua jenis iaitu filantropi yang bersifat wajib dan filantropi yang bersifat sukarela atau pilihan. Filantropi bersifat wajib adalah merujuk kepada kewajipan zakat bagi yang berkemampuan dan mempunyai lebih harta. Manakala filantropi bersifat sukarela atau atas pilihan sendiri adalah merujuk kepada amalan sedeqah, infaq dan wakaf yang boleh memberi manfaat kepada orang lain. (Hasan, 2013) menyatakan Al-Quran juga telah menyebut istilah-istilah tertentu seperti infak, sedekah, derma, pengorbanan, jihad, kasih sayang, takaful (jamin menjamin), kehendak dan *ta'awun* (tolong menolong) sebagai isyarat kepada prinsip dan tabiat filantropi (Abdul Ghafar et al., 2020).

### **Model Takaful Filantropi**

Model takaful yang dilihat berpotensi membantu golongan berpendapatan rendah mendapatkan polisi takaful mampu milik telah dicadangkan dalam beberapa tulisan. Contohnya penggunaan wakaf yang digabungkan dengan akad *wakālah* atau *mudārabah* (Mikail et al., 2017; Mikail & Tijani, 2014; Mohamad Zaharuddin et al., 2019). Selain itu, terdapat juga cadangan model takaful berasaskan zakat (Ahmed, 2016; Mikail et al., 2017; Nik Abdul Rahim et al., 2019, 2020). Wujud juga cadangan model takaful berasaskan *mushārah* di bawah sepanduk takaful sosial atau *takāful ijtimā'ī* dan takaful kerjasama atau *mushārah ta'awuniyyah* (Abdullah et al., 2017; Azman & Muhammad Abd Hadi, 2016; Dewi & Abdullah, 2017).

Dalam tulisan lain, Nik Abdul Rahim et al. (2020); Nik Abdul Rahim & Mohd Sabri (2020) mencadangkan integrasi model takaful wakaf dan zakat tetapi mengenalpasti tiga cabaran. Cabaran pertama berkaitan institusi fatwa terutamanya tentang hak milik dan pelaburan dana takaful berasaskan zakat dan wakaf serta isu operasi dan proses pelaksanaan kedua-dua bentuk dana tersebut dalam aspek penentuan pihak berkuasa yang menguruskannya dan kos pengoperasian. Isu berkaitan hak milik ini juga merupakan isu lama yang ditimbulkan oleh Yuhani & Yusuf (2011) yang mana jika dana zakat dan wakaf tersebut menjadi entiti sah yang terpisah dari pemberi wakaf dan pembayar zakat, maka ia bertentangan dengan piawaian yang telah ditetapkan dalam Rangkakerja Operasional Takaful (BNM, 2019). Cabaran kedua yang ditimbulkan terkait Majlis Agama Islam Negeri berkenaan perkongsian dana zakat dengan asnaf-asnaf lain serta masalah harta wakaf yang kebanyakannya dalam bentuk harta kekal. Cabaran ketiga melibatkan pengendali takaful itu sendiri dari sudut keupayaan untuk membangunkan model takaful mikro berasaskan zakat dan wakaf yang komprehensif.

(Mikail et al., 2017) ada mengutarakan model takaful berasaskan wakaf dan zakat tetapi tidak membincangkan secara mendalam tentang pengoperasian model takaful



berdasarkan wakaf dan zakat tersebut. Antara isu yang dibangkitkan oleh mereka ialah tentang wakaf khas sama ada perlukan keizinan penerima dan penama atau tidak, penggunaan segera dana zakat oleh pembayar, pihak berkuasa serta penerima dan agihan wajib kepada seluruh penerima zakat. Walaubagaimanapun, mereka melihat isu ini boleh diselesaikan. Mereka juga mencadangkan takaful bermodelkan wakaf dalam tiga bentuk sumbangan sama ada secara i) sumbangan pelengkap atau ii) sumbangan keseluruhan atau iii) saling bantu membantu.

Berdasarkan sorotan literatur di atas, sebahagian besar tulisan hanya mencadangkan rangka kerja konsep (*conceptual framework*) model takaful berasaskan filantropi tanpa cadangan model praktikal. Namun begitu, terdapat satu kajian yang dijalankan oleh Asiah et al., (2020) yang mengenalpasti wujudnya produk takaful yang ditawarkan oleh sebuah pengendali takaful berdasarkan model wakaf dan endowmen. Ini menunjukkan model takaful yang digunakan oleh pengendali-pengendali takaful lain masih tidak jelas. Selain itu, karya terdahulu banyak membincangkan konsep waqaf dan zakat manakala sebahagian kecil menyentuh tentang CSR.

## **METODOLOGI**

Secara umumnya kajian ini menggunakan reka bentuk kajian kualitatif sepenuhnya melibatkan metode temubual mendalam (*in-depth interview*) bagi mengumpulkan data utama dan metode dokumentasi melibatkan akta, resolusi syariah, peraturan, rangka kerja operasional takaful, penulisan akademik dan data sokongan kajian. Dari aspek permintaan pelan takaful, informan yang terlibat di dalam penyelidikan ini adalah 12 orang ketua keluarga dari golongan B40. Walaupun tiada suatu saiz sampel spesifik yang sesuai untuk semua keadaan dalam menentukan ketepuan data (*data saturation*), kebanyakan penyelidikan yang bertujuan untuk memahami persepsi dan pengalaman umum antara sekumpulan individu yang agak homogen, antara 6 hingga 12 temubual seharusnya sudah memadai (Glaser & Strauss, 1967; Guest et al., 2006, 2017, 2020; Mason, 2010).

Bagi mendapatkan sampel informan dari golongan B40, 6 kawasan Program Perumahan Rakyat (PPR) yang mudah mendapat akses perkhidmatan hospital kerajaan atau swasta terutamanya di Lembah Kelang, telah dikenal pasti iaitu:

- 1) PPR Kg. Lembah Pantai Kerinchi, Lembah Pantai;
- 2) PPR Kg. Limau Pantai Dalam, Lembah Pantai;
- 3) PPR Desa Rejang, Setapak;
- 4) PPR Taman Putra Damai (Lembah Subang 1), Petaling Jaya;
- 5) PPR Lembah Subang 2, Petaling Jaya; dan
- 6) Council Homes, Bandar Baru Bangi.

Selain itu, bagi memastikan hanya ketua keluarga B40 sahaja yang layak untuk ditemubual, penyelidik telah mendapatkan bantuan wakil atau ketua blok PPR untuk mengenalpasti informan B40 tersebut. Informan yang terlibat dalam temu bual



diberikan nama samaran. Tujuan nama samaran ini digunakan untuk memastikan identiti sebenar informan dapat dirahsiakan daripada pengetahuan orang ramai.

Dari aspek penawaran pelan takaful, 4 orang wakil pengurusan pengamal industri yang menawarkan pelan takaful keluarga di bawah Perlindungan Tenang dan pelan takaful kesihatan di bawah program kerajaan dan agensinya telah ditemu bual. Secara keseluruhannya, 16 orang informan terlibat dalam kajian ini. Informan yang terlibat dipilih berdasarkan kepada beberapa ciri penting yang mempunyai pengaruh kepada hasil kajian iaitu:

- i. Pengalaman golongan B40 yang melanggan pelan takaful keluarga atau kesihatan daripada pengendali takaful yang menawarkan inisiatif Perlindungan Tenang atau pelan takaful kesihatan yang ditawarkan oleh kerajaan atau agensinya; dan
- ii. Berpengalaman dalam bidang teknikal kerana berkecimpung dengan industri takaful.


Penyelidikan ini terbatas di Lembah Kelang sahaja berdasarkan lokasi pengendali takaful yang disenaraikan terletak di Kuala Lumpur. Informan dari kalangan B40 juga dipilih dari peserta takaful sekitar Lembah Kelang dan di kawasan yang berdekatan dengan kemudahan perubatan.

Temubual ini direkodkan dan kemudian dialihkan dalam bentuk tulisan melalui kaedah transkripsi. Transkripsi itu kemudian dimasukkan ke dalam perisian ATLAS.ti versi 22 dan dianalisis menggunakan perisian tersebut bagi membentuk beberapa tema. Tema-tema bagi fasa analisis keperluan ini dibentuk berdasarkan dua objektif kajian iaitu:

- i. Mengenalpasti keperluan kepada pembinaan model takaful baharu berdasarkan impak skim takaful sedia ada ke atas golongan B40;
- ii. Menganalisis isu syariah, operasi dan cabaran perundangan dalam model sedia ada.


## **OUTPUT ANALISIS TEMA TEMU BUAL**

Analisis temu bual telah dibuat berpandukan dua objektif kajian sepertimana dinyatakan di bawah sub-topik metodologi penyelidikan di atas. Hasil atau output analisis tema temu bual menggunakan perisian Atlas.ti bagi objektif pertama penyelidikan iaitu mengenalpasti keperluan kepada pembinaan model takaful baharu berdasarkan impak skim takaful sedia ada ke atas golongan B40 ditunjukkan sepertimana Rajah 1 di bawah:



Rajah 1: Peta Umum Output Analisis Tema Temu Bual Objektif 1 (*data temu bual*)

Bagi objektif kedua iaitu menganalisis isu syariah, operasi dan undang-undang dalam model sedia ada, output analisis tema temu bualnya dipaparkan sepertimana Rajah 2 di bawah:



Rajah 2: Peta Umum Output Analisis Tema Temu Bual Objektif 2 (*data temu bual*)



## **PERBINCANGAN**

Berikut ialah perbincangan yang meliputi isu dan cabaran serta keperluan takaful yang berasaskan filantropi di Malaysia.

### **Isu dan Cabaran**

Berdasarkan kajian-kajian terdahulu, isu-isu yang dikenalpasti dalam cadangan model takaful mikro tersebut terkait dengan isu operasi, syariah dan perundangan. Walaubagaimanapun, merujuk kepada peta-peta umum output analisis temu bual yang dijalankan ke atas golongan B40 dan pengendali takaful dalam Rajah 1 dan Rajah 2 di atas, terdapat beberapa isu dan cabaran tambahan selain daripada isu dan cabaran yang telah dikenal pasti dalam kajian terdahulu (syariah, operasi dan undang-undang).

### **Golongan B40**

Antara isu yang menyelubungi golongan B40 terkait dengan kewangan, operasi, produk, kemudahan dan pengetahuan. Golongan B40 sudah tentunya berhadapan dengan masalah kewangan hingga tiada simpanan kecemasan. Berdasarkan hakikat ini, mereka hanya berupaya mendapatkan perlindungan kesihatan yang mampu milik sahaja atau hanya bergantung kepada perlindungan kesihatan yang disediakan oleh pihak kerajaan. Isu tentang operasi pula terkait cabaran yang dihadapi oleh golongan ini dalam membuat tuntutan rawatan dan perubatan yang mana tempoh membuat tuntutan adalah terhad walhal proses membuat tuntutan perubatan adalah rumit serta mengambil masa yang lama. Sungguhpun tuntutan sudah dibuat, respon yang diterima oleh golongan ini daripada pengendali takaful atau agensi kerajaan kadang-kadang lambat. Bagi isu berkaitan produk pula, cabaran yang dihadapi oleh golongan B40 ialah manfaat produk perlindungan kesihatan yang terhad menyebabkan mereka tidak mendapat jumlah perlindungan yang diharapkan. Isu berikutnya berkaitan kemudahan yang mana beberapa informan B40 menyuarakan masalah kurang akses bagi mendapatkan perlindungan kesihatan serta maklumat-maklumat berkaitan perlindungan kesihatan tidak sampai kepada pengetahuan mereka. Masalah ini berpunca dari kurangnya keperihatinan informan B40 ini terhadap kemudahan perlindungan kesihatan yang ditawarkan sama ada oleh pihak swasta mahupun kerajaan. Sebahagian informan juga tidak begitu celik teknologi menyebabkan maklumat-maklumat berkaitan perlindungan kesihatan yang disampaikan secara digital berada di luar pengetahuan mereka. Isu terakhir ialah tentang pengetahuan informan yang mana mereka kurang pengetahuan tentang produk perlindungan kesihatan terutamanya dalam aspek manfaat-manfaat perlindungan. Selain itu, mereka berhadapan dengan cabaran dalam proses membuat tuntutan yang mana tidak semua golongan B40 mempunyai pengetahuan yang baik tentang proses ini. Mereka hanya berharap kepada wakil-wakil dari kalangan yang ada pengetahuan tentang proses tuntutan ini untuk membuat tuntutan bagi pihak mereka. Ada juga sebahagian dari informan yang salah faham terhadap maklumat produk dan proses membuat tuntutan perlindungan.



## **Pengendali takaful**

Bagi pengendali-pengendali takaful pula, beberapa isu dalam penawaran produk perlindungan kesihatan telah dikenal pasti iaitu syariah, operasi, undang-undang dan kos. Isu tentang kos merupakan satu isu baharu selain daripada isu-isu yang telah dikenal pasti dalam sorotoan literatur. Merujuk kepada isu syariah, pengendali-pengendali takaful berhadapan dengan cabaran penggunaan zakat untuk peserta takaful B40 yang bukan Islam, sekiranya model takaful filantropi ini mengguna pakai zakat sebagai instrumen "seed fund". Ini kerana terdapat syarat-syarat penerima zakat hendaklah seorang yang beragama Islam. Jika ada pun ruang untuk orang bukan Islam menerima zakat ialah di bawah ketegori asnaf muallaf. Namun begitu, definisi muallaf masih terdedah kepada pentafsiran yang berbeza dalam kalangan sarjana fiqh, menyebabkan kesukaran untuk menentukan orang bukan Islam dalam kategori muallaf ini. Masih dalam konteks zakat, pengendali-pengendali takaful juga berhadapan dengan cabaran untuk menentukan had kifayah bagi golongan B40 kerana tidak semua golongan B40 boleh dianggap sebagai asnaf fakir dan miskin. Oleh yang demikian, ini boleh membawa kepada cabaran operasi dalam menentukan status asnaf seseorang B40 bagi melayakkannya menerima perlindungan kesihatan yang dibiayai oleh dana zakat.

Isu operasi merupakan isu terbesar yang dihadapi oleh pengendali-pengendali takaful. Antara cabaran yang dikenal pasti dalam isu operasi ini terkait pengurusan, tuntutan dan pemasaran. Beberapa cabaran pengurusan yang dihadapi melibatkan kurang kesedaran teknologi digital, penambahan penyertaan, pengurusan kewangan dana risiko, salah laku ejen dan pelaksanaan polisi syarikat. Antara cabaran-cabaran ini, hanya masalah kurang kesedaran teknologi digital melibatkan golongan B40 tetapi memberi kesan kepada operasi pengendali takaful terutamanya dalam aspek membuat tuntutan perlindungan secara dalam talian. Kesilapan membuat tuntutan akan mengganggu operasi pengendali takaful malahan ada juga golongan B40 yang tidak tahu cara-cara untuk membuat tuntutan secara dalam talian. Dalam aspek penambahan penyertaan, pengendali skim perlindungan kesihatan MySalam berhadapan dengan masalah menguruskan peserta takaful yang meningkat jumlahnya secara mendadak dari 4.6 juta dalam tahun 2019 kepada 10 juta pada tahun 2022. Cabaran bagi pengurusan kewangan dana risiko pula melibatkan masalah lejer (*ledger*) dalam konteks menyeimbangkan untung dalam dana risiko dengan wang keluar untuk membayar manfaat takaful. Jika tuntutan manfaat perlindungan kesihatan amat tinggi maka ia perlu diseimbangkan sama ada dengan meningkatkan jumlah sumbangan takaful atau menambahkan "seed fund". Salah laku ejen timbul jika ejen terdorong untuk meningkatkan komisen hingga tergamak menyalahgunakan hak peserta takaful B40. Kes penipuan baucer Perlindungan Tenang B40 merupakan contoh salah laku ini di mana ejen menggunakan baucer dan nama peserta B40 dan mendaftarkan mereka dalam skim perlindungan takaful ini bagi mendapatkan komisen. Sungguhpun skim Perlindungan Tenang bukanlah sejenis perlindungan kesihatan, tetapi sekiranya ada baucer seumpamanya ditawarkan oleh kerajaan untuk perlindungan kesihatan, maka kes sebegini perlu diberikan perhatian. Berkenaan polisi syarikat, cabaran yang timbul ialah apabila tujuan utama pengendali



takaful yakni memaksimakan keuntungan berkonflik dengan usaha-usaha murni kewangan sosial yang menelan belanja besar. Menyeimbangkan matlamat komersial dan sosial merupakan cabaran yang tidak mudah untuk dilaksanakan.

Tuntutan juga merupakan cabaran dalam isu operasi. Masalah-masalah tuntutan wujud jika tuntutan rendah atau sebaliknya jika tuntutan sangat tinggi. Di peringkat awal pelancaran skim MySalam, tuntutan yang rendah menimbulkan kegusaran pihak pengurusan dana perlindungan kesihatan tersebut kerana tidak memenuhi sasaran tuntutan tahunan. Walabagaimanapun, peningkatan tuntutan secara mendadak semasa tempoh pandemik menyebabkan timbul isu operasi kerana ketika itu proses tuntutan masih dibuat secara manual.

Masalah kurang pemasaran juga boleh dikategorikan dalam isu operasi. Kurangnya platform pemasaran serta kaedah pemasaran yang tidak kreatif menyumbang kepada permasalahan ini. Platform pemasaran perlu ditambah daripada platform digital kepada platform bukan digital yang melibatkan rakan-rakan strategik seperti persatuan-persatuan pengguna, penduduk dan seumpamanya. Cuma platform digital boleh mengurangkan masalah operasi tetapi platform bukan digital sudah pastinya akan menimbulkan masalah operasi kerana wujudnya intervensi manusia. Pemasaran yang tidak kreatif pula boleh merencatkan rangkuman (*inclusion*) peserta-peserta takaful kerana tiada daya tarikan untuk menyertai produk takaful.

Isu seterusnya yang dihadapi oleh pengendali-pengendali takaful ialah isu undang-undang. Secara spesifiknya, isu ini melibatkan cabaran berkaitan bidang kuasa khususnya bidang kuasa undang-undang berkenaan wakaf dan zakat. Memandangkan penyelidikan ini dijalankan di sekitar Lembah Kelang, maka wajarlah enakmen-enakmen dan akta-akta dalam bidang kuasa agama negeri Selangor dan Wilayah-wilayah Persekutuan dirujuk. Merujuk kepada Akta Pentadbiran Undang-Undang Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) (1993) Seksyen 61 berkaitan Wakaf dan nazr, "Walau apa pun apa-apa peruntukan yang bertentangan yang terkandung dalam mana-mana suratcara atau perisytiharan yang mewujudkan, mengawal, atau menyentuh perkara itu, Majlis hendaklah menjadi pemegang amanah yang tunggal bagi semua wakaf, sama ada wakaf am atau wakaf khas,...". Berkenaan bidang kuasa zakat pula, Akta Kesalahan Jenayah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) (1997) Seksyen 33 Pemungutan zakat atau fitrah tanpa kuasa memperuntukkan "Mana-mana orang yang memungut zakat atau fitrah atau menyebabkan dipungut zakat atau fitrah tanpa dia dilantik sebagai amil atau selainnya diberikuasa oleh Majlis adalah melakukan suatu kesalahan..."

Bagi Negeri Selangor pula, Enakmen Wakaf (Negeri Selangor) (2015) Seksyen 4 Majlis sebagai pemegang amanah tunggal bagi semua wakaf memperuntukkan "(1) Majlis hendaklah menjadi pemegang amanah tunggal bagi semua wakaf yang terletak di dalam Negeri Selangor dan hendaklah mempunyai kuasa menubuhkan Perbadanan" dan beberapa kuasa lain. Bagi bidang kuasa zakat pula, Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) (2003) Seksyen 86 Kuasa Majlis memungut zakat dan fitrah telah menetapkan bahawa, "Majlis hendaklah berkuasa memungut zakat dan



fitrah daripada setiap orang Islam yang kena dibayar di dalam Negeri Selangor mengikut Hukum Syarak bagi pihak Duli Yang Maha Mulia Sultan”.

Jelaslah bahawa bidang kuasa undang-undang wakaf dan zakat terletak di bawah bidang kuasa agama negeri-negeri di Malaysia sedangkan perniagaan takaful diletakkan di bawah bidang kuasa undang-undang persekutuan. Sudah pasti kedudukan bidang kuasa yang berbeza ini akan menimbulkan konflik bagi pengendali takaful untuk membuat keputusan terhadap penggunaan wakaf dan zakat sebagai instrumen “seed fund” dalam model takaful filantropi ini.

Isu terakhir merupakan isu baharu yang melibatkan kos iaitu kos perubatan yang tinggi dan kadar sumbangan yang tinggi. Cabaran kepada penawaran perlindungan kesihatan berasaskan filantropi oleh pengendali takaful ialah kos perubatan yang tinggi dan ia meningkat tahun demi tahun (*medical inflation*). Kesannya, ia akan meningkatkan kos operasi dan memberi implikasi ke atas peserta takaful yang mana kadar sumbangan takaful perlu ditingkatkan bagi menyeimbangkan peningkatan kos.

### **Keperluan Takaful Berasaskan Filantropi di Malaysia**

Model takaful berasaskan filantropi dilihat berperanan dalam memberikan manfaat perlindungan yang signifikan kepada masyarakat terutamanya kepada golongan yang kurang berkemampuan. Selain itu, model takaful berasaskan filantropi di Malaysia dijangka mempunyai kepentingan-kepentingan tertentu, antaranya:

- i. Menyediakan perlindungan manfaat takaful mikro yang sistematik dan efisien

Rawatan segera dan pantas serta teratur adalah merupakan antara aspek yang diharapkan oleh pihak benefisiari takaful dalam melanggan sesuatu pelan perlindungan kesihatan. Melalui takaful berasaskan filantropi ini membolehkan peserta atau golongan B40 mendapat akses rawatan perubatan dengan segera dan pantas di klinik mahupun hospital swasta. Pembiayaan kos rawatan tersebut akan dibiayai daripada dana risiko takaful filantropi yang membolehkan peserta yang mengalami penyakit kritikal dapat dipercepatkan proses pradiagnosisnya. Proses kemasukan ke hospital atau wad juga dapat dipercepatkan sekiranya pelan takaful kesihatan ini menyediakan kemudahan kad perubatan. Ciri rangkuman (*all-in-one*) manfaat rawatan dan perubatan daripada skim MySalam dengan manfaat saringan kesihatan PeKa B40 amat memudahkan peserta dalam mendapatkan rawatan kesihatan yang sistematik dan efisien melalui takaful berasaskan filantropi ini.

- ii. Medium kepada masyarakat untuk membudayakan amalan derma

Penawaran takaful berasaskan filantropi dilihat akan menjadi salah satu platform atau wadah kepada masyarakat, individu dan badan-badan korporat untuk menderma atau menyumbang “seed fund” takaful ini yang dikira dapat dijadikan sebagai salah satu daripada aktiviti CSR yang layak untuk mendapat



insentif cukai. Maka, secara tidak langsung ia dapat mengalakkan orang ramai untuk menderma dalam dana takaful filantropi ini.

iii. Alternatif kepada program kerajaan

Pelbagai usaha telah dilaksanakan oleh kerajaan bagi membantu masyarakat Malaysia yang kurang berkemampuan dalam mendapatkan kemudahan perlindungan terutamanya dalam perkhidmatan perubatan dan kesihatan (Nik Abdul Rahim & Mohd Sabri, 2020). Namun, kemudahan bantuan yang diberikan oleh kerajaan seperti pelan mySalam dan PeKa B40 dilihat adalah tidak menyeluruh atau lengkap kerana pelan tersebut tidak menyediakan manfaat sepertimana manfaat yang ditawarkan oleh syarikat pengendali takaful. Perkara ini mungkin disebabkan terhadnya dana yang diperuntukkan oleh kerajaan dalam polisi ini (Rusmawati et al., 2020). Maka, penawaran takaful berasaskan filantropi ini dilihat dapat dijadikan sebagai satu alternatif dalam mengurangkan beban kewangan kerajaan bagi membiayai pelan perlindungan kesihatan sedia ada di samping menyediakan produk perlindungan kesihatan alternatif yang lebih komprehensif kepada golongan B40.

Melihat kepada kepentingan-kepentingan tersebut terutamanya kepentingan pertama, majoriti informan yang terdiri daripada golongan B40 berpendapat model takaful filantropi ini diperlukan oleh mereka. Bagi pengendali-pengendali takaful pula, mereka tiada halangan menawarkan produk takaful berasaskan filantropi untuk golongan B40 tetapi setelah mengambil kira kemampuan dana risiko dalam jangka masa panjang. Pendapat mereka dipaparkan dalam Jadual 1 di bawah:

Jadual 1: Analisis Keperluan Model Takaful Berasaskan Filantropi

Bil.	Informan	Model Takaful Filantropi Diperlukan	Petikan Temu Bual
1.	B40 #1	✓	B40 1 (25:16): Haa tu la, tapi ni pun. Setakat ni takdelah, kalau boleh tu, Alhamdulillah lah, kalau ada untuk golongan B40. Penyelidik: Maknanya harapan tuan tu memang tinggilah kalau berjaya kan? B40 1 (25:26): Haa..
2.	B40 #2	✓	Penyelidik: Kalau katakanlah ada orang sanggup sponsor katakan zakat sanggup sponsor kad kan kalau kata percuma Puan ambil kot, kalau percuma. B40 2 (46:20): Percuma memangla ambil tipulah kalau tak ambil, nama pun percuma Dr., bersyukurla kalau orang bagi percuma.
3.	B40 #3	✓	Penyelidik: Haa okay. So pada pendapat Puan, adakah perlu diwujudkan skim perlindungan kesihatan swasta yang bersesuaian untuk B40? Perlu tak? B40 3 (04:43): Perlu juga. Kadang-kadang kita



			emergency kan?
4.	B40 #4	✓	Penyelidik: Pada pendapat Puan adakah perlu diwujudkan skim perlindungan kesihatan swasta yang bersesuaian untuk B40? B40 4 (05:17): Bagi saya why not, okay je.
5.	B40 #5	✘	Penyelidik: Haa kalau ada kad lah, kalau kata lah kami punya research ni la kan, kot-kot la ada orang nak terima cadangan kami ni. Kami cadang nak itu lah, nak cadangkan untuk B40 ni, kad perubatan ni. Pada harga mampu milik. Pada harga mampu milik lah. Bayar rendah, bayar rendah. Kalau ada tawaran tu agak-agak Haji nak ke? B40 5 (13:39): Saya takde la. Saya tak nak macam ini, maksud dia kalau tawaran tu yang agak yang mampu saya, maksudnya kalau tidak membebankan saya. untuk kebaikan saya. Maknanya saya nak tahu juga, adakah untuk diri saya seorang je?
6.	B40 #6	✓	B40 6 (9:45): Bawah seratus ke bolehlah kot. Penyelidik: Haa bolehlah tapi dengan syarat manfaatnya mesti banyak? B40 6 (9:49): Ya manfaat banyak.
7.	B40 #7	✓	Penyelidik: Amat-amat diperlukan eh? B40 7 (23:06): Sebab bawah B40 ni saya tengok pada kawasan sini la Lembah Subang ni perubatan memang memerlukan la, ni blok saya ni banyak la kejap-kejap tanya saya pasal insuran ada claim la apa la kita bagitahula kena buat macam nie, berhubung dengan ni. Kalau yang tak dapat selalunya sebab dokumen tak complete... kat sini macam macam kes ...
8.	B40 #8	✓	Penyelidik: Ha ok. Takpelah. Ok ini kami nak tanya tentang...sikit lagi ni, last round...tentang kami punya tajuk kajian ni lah. Kami ni cadangnya nak menawarkan Perlindungan Kesihatan yang mampu milik untuk B40, dan salah satu kami punya cadangan kepada penyelidikan ni, kami nak cadangkan kad perubatan hospital mampu milik. Akak boleh bayangkanlah kad perubatan ni kan, dia punya mahal tak mahalanya dia punya caruman tu kan. Ok soalnya, kalaulah akak ni ditawarkan kad perubatan kesihatan hospital ni dengan bayaran bulanan rendah, nak ke taknak terima? B40 8 (36:24): Nak lah.
9.	B40 #9	✓	Penyelidik: Okay, yang ni last. Ni last eh. Tak, tak lama sat je ni. Sat je. Okay kalau kata lah err... kata kan lah kami punya penyelidikan ni ada ni lah... ada hasil lah kan. Dan kita boleh err keluaq satu kad perubatan hospital ni err pada harga rendah. Agak-agak Encik Nasir berminat tak? B40 9 (9:31): Memang. Bukan berminat. Kita rebut lah.
10.	B40 #10	✓	Penyelidik: Jika Puan ditawarkan kad perubatan hospital dengan harga yang murah, adakah Puan



			akan menerima tawaran tersebut? B40 10 (16:22): Saya tengok pada saya punya bajet. Bukan tak nak terima, kena tengok pada bajet juga. Buatnya kalau kita terima suatu hari tapi tak boleh nak bayar pun sama juga.
11.	B40 #11	✓	Penyelidik: Kalau pendapat Puan, perlu tak wujud skim perlindungan kesihatan swasta yang bersesuaian untuk B40 ni? B40 11 (25:09): Ha, perlu.
12.	B40 #12	✓	Penyelidik: Sebenarnya kami punya kajian ni pun nak tubuhkan medical card sebenarnya untuk golongan B40 ni. Kita nak ke arah macam tulah In Shaa Allah kalau dipermudahkan. Bagi pendapat kalau lah Cik Izzati ni ditawarkan kad perubatan ataupun medical card, tapi medical card ni kan nak dapatkan tu agak mahal juga kan, tapi yang ini bayarannya rendah je, Cik Izzati rasa nak tak terima tawaran tu kalau dalam golongan B40 ini? B40 12 (29:07): Kalau saya In Shaa Allah saya akan terima dan saya tengok dulu bergantung kepada apa coverage yang dia cover, berapa had tahunan dia... at least adalah bagi saya daripada tak ada langsung better ada lah kan.
13.	PT #1	✓	Penyelidik: Selain daripada skim perlindungan kesihatan sedia ada, adakah pengendali takaful bersedia menawarkan skim perlindungan kesihatan yang akan dicadangkan hasil daripada penyelidikan ini untuk golongan B40? (Contohnya kad perubatan hospital) PT1: Dipihak pengendali takaful semestinya sangat mengalu-alukan sebarang cadangan dan kajian lebih teliti untuk sesuatu produk lebih-lebih lagi untuk golongan B40 dan produk Tenang di pasaran semestinya adalah satu penanda aras bahawa golongan B40 mempunyai kesedaran yang tinggi berkaitan pentingnya perlindungan takaful.
14.	PT #2	✓	Penyelidik: ...Cuma kalau lagi cantik, model kami ni nak gabung, boleh saringan sekali dengan ni, kad hospital ni dia akan cover saringan sekali dengan kos-kos perubatan, pembedahan kan. Jadi, itulah kalau produk model ni berjaya, produk kad kesihatan tu lah tapi pada harga mampu milik... PT 2 (19:15): Itu sangat mencabar jugak tu. Saya rasa kalau nak buat macam tu memang perlu ada suntikan dana daripada luar, sama ada wakaf atau zakat atau pon dana kerajaan sendiri ke, Baitulmal dan sebagainya sebab kalau nak mengharap hanya kita berdasarkan contribution yang dibayar oleh peserta semata-mata, saya rasa lama-lama pon tak boleh bertahan lah.
15.	PT #3	✓	Penyelidik: Tapi itu pun payah juga kalau B40 unless dia orang ada savings, maknanya dia orang ada ability



			<p>untuk bayar dulu lah. Tapi masalahnya savings lah, savings takde. Memang kalau dia orang mengharapkan kad tu macam free jelah...</p> <p>PT 3 (35:25): Tapi macam saya cakap itu lah dia kena sustainable tu kena ada. Bila kita buat projection of pricing, kita kena tengok sustainability tu quite long. Kita bukan nak macam setahun saja lepas itu skim itu habis...</p>
16.	PT #4	✓	<p>Penyelidik: Ok. So kita pon dah hampir ke penghujung soalan ni, dah last round dah. Just nak tanya pandangan Tuan lah selaku penawar perkhidmatan, agak-agaknya ada ke keperluan pada penawaran faedah-faedah selain daripada skim yang ditawarkan under mySalam ni, umpamanya kalau kad perubatan hospital rasa-rasanya, ada ke keperluan?</p> <p>PT 5 (46:25): Sangat bagus kalau ada sebenarnya tapi akan jadi sangat mahal. Itu je lah yang saya boleh cakap. Saya tak tahu sama ada kerajaan...kalau nak melalui kerajaan lah, tak tahu sama ada kerajaan boleh mampu untuk mengeluarkan dana yang banyak lah, sebenarnya banyak tuan kos untuk medical card tu sebenarnya. Bagi saya sebenarnya kalau ada yang kerajaan willing and mampu nak beri, sangat bagus sebenarnya.</p>

Sumber: Data Temu Bual

## KESIMPULAN

Sebagai kesimpulan, filantropi adalah konsep kedermawanan yang merupakan salah satu bentuk ajaran Islam tentang kepedulian dan keadilan sosial sesama manusia. Antara matlamat dalam pendekatan penawaran model takaful berasaskan filantropi ini adalah bertujuan memberi impak kepada masyarakat melalui rangkuman kewangan (*financial inclusion*) terutamanya kepada golongan berpendapatan rendah atau B40 di samping menyediakan pelan perlindungan kesihatan mikro yang patuh syariah. Walaupun pada konsepnya pelbagai model takaful mikro telah dicadangkan dalam kajian dan tulisan terdahulu, ia tidak terlepas daripada isu dan cabaran termasuklah model takaful berasaskan filantropi ini. Sungguhpun begitu, majoriti informan B40 dan pengendali takaful berpendapat model takaful berasaskan filantropi ini diperlukan merujuk kepada analisis keperluan yang telah dibincangkan. Pertimbangan mereka dibuat berdasarkan kepentingan (*significance*) yang boleh diwujudkan oleh model takaful filantropi ini.

## PENGHARGAAN

Artikel ini merupakan sebahagian daripada geran penyelidikan bertajuk *Model Takaful Berasaskan Filantropi Sebagai Perlindungan Kesihatan Golongan B40* yang dibiayai sepenuhnya oleh Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia melalui Skim Geran Penyelidikan Fundamental (FRGS dengan kod rujukan FRGS/1/2021/SSI0/KUIS/02/1)



## RUJUKAN

- Abdul Ghafar, D., Puteh, A., Muhamat@Kawangit, R., & Mohd Nasir, B. (2020). Pendekatan Filantropi Dakwah dalam Membangun Kesejahteraan Masyarakat. *AZKA International Journal of Zakat & Social Finance*, 1(1), 44–56.
- Abdullah, Z., Hasanah, U., & Dewi, G. (2017). A Waqf and Musyarakah Implementation Model in Takaful Ijtima'i as an Alternative Sharia Insurance System: An Experiment to Maximise the Realisation of the Social Justice Principle in Sharia Insurance in Indonesia. *Law and Justice in a Globalized World*, 187–194. <https://doi.org/10.9774/gleaf.9781315223292>
- Ahmad Mazlan, Z., Abd Rahman, B. H., Yassin, N., & Ramly, J. (2012). *Amalan Asas Takaful Tahap Permulaan untuk Pengamal*. IBFIM.
- Ahmed, M. (2016). Micro Takaful Insurance as a Tool to Guaranteeing Financing and Protecting Micro Enterprises. *Journal of Business & Financial Affairs*, 05(04). <https://doi.org/10.4172/2167-0234.1000228>
- Akta Kesalahan Jenayah Syariah (Wilayah-wilayah Persekutuan), Pub. L. No. Akta 559 (1997). [http://www2.esyariah.gov.my/esyariah/mal/portalv1/enakmen/Federal\\_Original.nsf/b3ac9c218c8efdc4482568310022d8b3/9ee36f50002ae5b44825707c0012e0d6?OpenDocument](http://www2.esyariah.gov.my/esyariah/mal/portalv1/enakmen/Federal_Original.nsf/b3ac9c218c8efdc4482568310022d8b3/9ee36f50002ae5b44825707c0012e0d6?OpenDocument)
- Akta Pentadbiran Undang-undang Islam (Wilayah-wilayah Persekutuan), Pub. L. No. Akta 505 (1993). [http://www2.esyariah.gov.my/esyariah/mal/portalv1/enakmen/Federal\\_Updated.nsf/b3ac9c218c8efdc4482568310022d8b3/82ac067535977ff3482571fe0011df1b](http://www2.esyariah.gov.my/esyariah/mal/portalv1/enakmen/Federal_Updated.nsf/b3ac9c218c8efdc4482568310022d8b3/82ac067535977ff3482571fe0011df1b)
- Asiah, K., Ahmad Azam, S., & Mohammad Taqiuddin, M. (2020). Model Dana Tambahan bagi Penawaran Takaful Mikro kepada Warga Emas. *International Journal of Islamic Business*, 5(2), 48–71.
- Azman, M. N., & Muhammad Abd Hadi, A. R. (2016). Cooperative Takaful for Non-Banking Financial Institutions: Islamization of SOCSO in the case of Malaysia. *Intellectual Discourse*, 24, 459–476.
- BNM. (2019). Takaful Operational Framework. *Policy Document*, June, 1–27. <https://www.bnm.gov.my/index.php?ch=57&pg=140&ac=807&bb=file>
- Dewi, G., & Abdullah, Z. (2017). Reconstructing Collaborative Economy in Indonesia by Implementing Takaful Ijtima'i Insurance System. *Advances in Social Science, Education and Humanities Research*, 167, 295–300. <https://doi.org/10.2991/icaspgs-icbap-17.2017.33>



- Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor), Pub. L. No. Enakmen 1 Tahun 2003 (2003).  
[http://www2.esyariah.gov.my/esyariah/mal/portalv1/enakmen/State\\_Enact\\_Ori.nsf/100ae747c72508e748256faa00188094/96c30e0bb46f1659482570ff003715ec?OpenDocument](http://www2.esyariah.gov.my/esyariah/mal/portalv1/enakmen/State_Enact_Ori.nsf/100ae747c72508e748256faa00188094/96c30e0bb46f1659482570ff003715ec?OpenDocument)
- Enakmen Wakaf (Negeri Selangor), Pub. L. No. Enakmen 15 Tahun 2015 (2015).  
[http://www2.esyariah.gov.my/esyariah/mal/portalv1/enakmen2011/State\\_Enact\\_Ori.nsf/f831ccddd195843f48256fc600141e84/b5cf2dc1a89d351848257f6f000e4f0d?OpenDocument](http://www2.esyariah.gov.my/esyariah/mal/portalv1/enakmen2011/State_Enact_Ori.nsf/f831ccddd195843f48256fc600141e84/b5cf2dc1a89d351848257f6f000e4f0d?OpenDocument)
- Engku Rabiah Adawiah, E. A., & Odierno, H. S. P. (2008). *Essential Guide to Takaful (Islamic Insurance)*. CERT Publications Sdn. Bhd.
- Glaser, B. G., & Strauss, A. L. (1967). *The Discovery of Grounded Theory: Strategies for Qualitative Research*. Aldine Transaction.
- Guest, G., Bunce, A., & Johnson, L. (2006). How Many Interviews Are Enough?: An Experiment with Data Saturation and Variability. *Field Methods*, 18(1), 59–82.  
<https://doi.org/10.1177/1525822X05279903>
- Guest, G., Namey, E., & Chen, M. (2020). A Simple Method to Assess and Report Thematic Saturation in Qualitative Research. *PLoS ONE*, 15(5), 1–17.
- Guest, G., Namey, E., & McKenna, K. (2017). How Many Focus Groups Are Enough? Building an Evidence Base for Nonprobability Sample Sizes. *Field Methods*, 29(1), 3–22.
- Hasan, B. (2013). Kedermawanan: Nilai dan Falsafah. *Transforming Islamic Philanthropy for Ummah Excellence*, 657–667.
- Islamic Financial Services Act, (2013).
- Mason, M. (2010). Sample Size and Saturation in PhD Studies Using Qualitative Interviews. *Forum: Qualitative Social Research*, 11(3), 1–19.
- Mikail, S. A., Muhammad Ali Jinnah, A., & Adekunle, S. S. (2017). Utilisation of Zakāh and Waqf Fund in Micro-takāful Models in Malaysia: An Exploratory Study. *ISRA International Journal of Islamic Finance*, 9(1), 100–105. <https://doi.org/10.1108/IJIF-07-2017-010>
- Mikail, S. A., Muhammad Ali Jinnah, A., & Ansary, R. (2017). Utilisation of Zakah and Waqf Funds in Micro-Takaful in Malaysia: An Exploratory Study. In *ISRA Research Paper* (No. 95).
- Mikail, S. A., & Tijani, I. M. (2014). Introduction to Takaful: Concepts & Models. *Fatwa in*



*Islamic Finance*, 1–4.

- Mohamad Zaharuddin, Z., Salleh, A. Z., Hasbullah, M., Ismail, A. M., & Ab Jalil, M. A. (2019). Exploring Waqf-Based Takaful Fund as Financial Aid for the B40 Group in Malaysia. *Al-Shajarah, Special Issue: Shariah and Law as Catalysts for Global Peace*, 149–167.
- Nik Abdul Rahim, N. A. G., Ihsan Ilahi, M. S., & Salmi Edawati, Y. (2019). Penggunaan Dana Zakat dalam Pembangunan Takaful Mikro: Satu Sorotan Literatur. *Journal of Fatwa Management and Research*, 17(2), 73–85.
- Nik Abdul Rahim, N. A. G., & Mohd Sabri, I. I. (2020). Potensi Integrasi Zakat dan Wakaf Dalam Pembinaan Model Takaful Mikro: Isu dan Cabaran. *Journal of Islamic Economics and Law*, 1(1), 1–13.
- Nik Abdul Rahim, N. A. G., Salleh, A. D., Ahmad, A. A., Yusoff, A. F. J., & Muhd Adnan, N. I. (2020). Zakat-based Micro Takaful Model: A Critical Review from Islamic Perspective. *Journal of Critical Reviews*, 7(19), 8420–8427.
- Norajila, C. M., Abd Wahab, N. A., & Ab Hamid, N. (2014). Islamic Philanthropy: Important Instruments for Development of the Civilization. *2nd World Conference on Islamic Thought and Civilization*, 1–11.
- Oehri, O., Dreher, C., & Jochum, C. (2014). *Fundamentals of Modern Philanthropy – New Perspectives for Foundations*. Center for Social Sustainable Products.
- Payton, R. L., & Moody, M. P. (2008). *Understanding Philanthropy: Its Meaning and Mission*. Indiana University Press.
- Rusmawati, S., Norfatimah, I., & Normaz Wana, I. (2020). Determining Factors Influence Out-of-Pocket Health Expenditure among the Low-Income Group in Malaysia. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences*, 10(10), 292–311. <https://doi.org/10.6007/ijarbss/v10-i10/7740>
- Yuhasni, R., & Yusuf, M. (2011). Revisiting and Redefining the Concept of Retakaful and the Viability of Its Model in Malaysian Takaful Industry. *Business & Management Quarterly Review*, 2(4), 20–32.